

K. P.U. 24.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(Akta 133)

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (BAYARAN-BAYARAN)
(MAJLIS DAERAH KUBANG PASU) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-undang Kecil seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Bangunan (Bayaran-bayaran) (Majlis Daerah Kubang Pasu) 1991** dan hendaklah dipakai kepada Majlis Daerah Kubang Pasu sahaja dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1991.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"bayaran-bayaran" ertinya semua bayaran kepada Majlis dan termasuklah surcaj, denda, fee-fee, caruman, fee-fee tambahan (enhance fees), pertaruhan dan sebagainya;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kubang Pasu;

"pelan-pelan" ertinya semua jenis pelan termasuklah pelan susunatur, pelan arkitek, pelan tapak, rajah, lukisan yang diluluskan oleh Majlis Daerah Kubang Pasu atau Pihak Berkuasa Negeri.

3. Fee-fee mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dalam Jadual I hingga Jadual IV kenalah dibayar.

4. Dalam keadaan-keadaan yang diterangkan di bawah ini, pemindahan fee-fee pelan dari satu pelan ke pelan yang lain tidak boleh dibenarkan—

- (a) di mana hakmilik tanah atau bangunan telah bertukar milik; atau
- (b) di mana berlakunya pertukaran juruukur tanah, arkitek atau pelukis pelan; atau
- (c) di mana berlakunya perubahan rekabentuk atau kegunaan bangunan atau susunan yang bukan disebabkan kehendak-kehendak pihak majlis; atau
- (d) di mana berlakunya perubahan dalam keluasan lantai atau ketumpatan pemajuan yang bukan dengan kehendak-kehendak pihak Majlis.